

News Release

20 August 2025

For immediate release

CAAM ELEVATES KLIA'S DEPARTURE EFFICIENCY IN LINE WITH GLOBAL STANDARDS THROUGH AIRSPACE ENHANCEMENTS

PUTRAJAYA – The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is proud to announce a significant milestone in Malaysia's air traffic management capability, as Kuala Lumpur International Airport (KLIA) achieves global standards in departure efficiency following the implementation of key airspace enhancements.

CAAM successfully conducted Simultaneous Independent Parallel Departure Operations on KLIA's Triple Runway System, marking a new chapter in operational excellence. This operation allows airplanes to depart simultaneously and independently from KLIA's three parallel runways, enabling three take-offs at the same time without sequencing delays. The procedure is designed with strict separation standards and advanced air traffic management systems, ensuring the highest levels of safety while reducing delays, optimising traffic flow and significantly increasing departure capacity.

This initiative builds upon an earlier milestone of the Simultaneous Independent Parallel Approach Operations Based on Flight Direction, which began in October 2024. Both enhancements were introduced to streamline aircraft arrival and departure routes within the Kuala Lumpur Terminal Manoeuvring Area (TMA), a critical hub for Malaysian and regional airspace operations.

Based on airspace performance data collected in May 2025, **KLIA recorded a departure route efficiency of 86.54%, marginally exceeding the global benchmark of 86.34%**. Despite a 15% increase in air traffic volume since October 2024, **KLIA also achieved a 1.34% improvement in arrival route efficiency**. These figures highlight the effectiveness of the new procedures in optimising traffic flow while maintaining high levels of operational performance under growing demand.

"These advancements demonstrate CAAM's commitment to innovation, safety, and efficiency in the management of Malaysian airspace," said YBhg. Dato' Captain Norazman Bin Mahmud, Chief Executive Officer of CAAM. "By adopting international best practices and harnessing advanced procedures such as this initiative, Malaysia is positioning itself as a leader in regional air traffic management."



News Release

Building on these airspace enhancements, CAAM continues to work closely with Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) and airlines to ensure that improvements in the skies also translate to better efficiency on the ground. Minimising ground delays is a critical element in realising the full benefits of advanced departure operations, and CAAM looks forward to ongoing collaboration with MAHB in optimising airport processes and infrastructure to match the efficiency gains achieved in Malaysian airspace.

The implementation of this initiative continues to be closely monitored with future plans to expand these improvements across the national airspace system. These advancements are expected to support the growing demands of the aviation sector, bolster industry confidence, and strengthen Malaysia's position as a regional aviation hub.

About Civil Aviation Authority of Malaysia

The Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) is the national aviation regulator, entrusted with ensuring the safety, security, and efficiency of Malaysia's civil aviation sector. CAAM provides comprehensive safety and security oversight of flight operations, aviation personnel licensing, and is responsible for the provision of air navigation services and air traffic management across Malaysian airspace. Operating in accordance with international standards set by the International Civil Aviation Organization (ICAO), CAAM is committed to fostering a safe, sustainable, and forward-looking aviation ecosystem through regulatory excellence, innovation, and strategic collaboration.

For media enquiries, kindly contact:

Anis Rahim at 012 336 4353 or via email at anis.rahim@caam.gov.my

20 Ogos 2025

Untuk siaran segera

CAAM TINGKATKAN KECEKAPAN PERLEPASAN DI KLIA SELARAS DENGAN STANDARD GLOBAL MELALUI PENAMBAHBAIKAN RUANG UDARA

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dengan sukacitanya mengumumkan pencapaian penting dalam keupayaan pengurusan trafik udara Malaysia, apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya mencatatkan kecekapan pelepasan yang selaras dengan piawaian global selepas pelaksanaan penambahbaikan ruang udara.

CAAM berjaya melaksanakan *Simultaneous Independent Parallel Departure Operations* di Sistem Tiga Landasan KLIA, menandakan satu era baharu dalam kecemerlangan operasi. Operasi ini membolehkan pesawat berlepas secara serentak dari beberapa landasan berasingan yang selari. Ini bermakna tiga pesawat boleh berlepas pada masa yang sama di KLIA melalui tiga landasan selari tanpa perlu menunggu giliran antara satu sama lain. Prosedur ini direka dengan piawaian pemisahan yang ketat serta sistem pengurusan trafik udara yang canggih bagi memastikan tahap keselamatan tertinggi di samping mengurangkan kelewatan, mengoptimumkan aliran trafik dan meningkatkan jumlah kapasiti pelepasan.

Inisiatif ini dibangunkan berdasarkan kejayaan terdahulu iaitu *Simultaneous Independent Parallel Approach Operations Based on Flight Direction* yang dimulakan pada Oktober 2024. Kedua-dua penambahbaikan ini bertujuan memperkemas laluan ketibaan dan pelepasan pesawat dalam *Kuala Lumpur Terminal Manoeuvring Area* (TMA), iaitu hab penting bagi operasi ruang udara Malaysia dan serantau.

Berdasarkan data prestasi ruang udara yang dikumpul pada Mei 2025, **KLIA mencatatkan kecekapan laluan pelepasan sebanyak 86.54%, melebihi penanda aras global iaitu 86.34%**. Walaupun jumlah trafik udara meningkat sebanyak 15% sejak Oktober 2024, **KLIA turut merekodkan peningkatan kecekapan laluan ketibaan sebanyak 1.34%**. Angka ini mencerminkan keberkesanan prosedur yang dilaksanakan dalam mengoptimumkan aliran trafik serta mengekalkan prestasi operasi yang tinggi meskipun berdepan permintaan yang semakin meningkat.



Kenyataan Media

"Pencapaian ini membuktikan komitmen CAAM terhadap inovasi, keselamatan dan kecekapan dalam pengurusan ruang udara Malaysia," kata YBhg. Dato' Kapten Norazman Bin Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM. "Dengan mengadaptasi amalan terbaik antarabangsa serta memanfaatkan prosedur canggih seperti inisiatif ini, Malaysia sedang menempatkan posisinya sebagai peneraju dalam pengurusan trafik udara serantau."

Selaras dengan penambahbaikan ruang udara ini, CAAM akan terus bekerjasama rapat dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan peningkatan mutu perkhidmatan di ruang udara yang turut membawa perubahan positif dari segi kecekapan operasi di darat. Pengurangan kadar kelewatan di darat merupakan elemen penting dalam merealisasikan manfaat penuh pengoperasian pelepasan yang lebih maju dan CAAM akan terus bekerjasama dengan MAHB bagi mengoptimumkan proses serta infrastruktur lapangan terbang agar ia selaras dengan peningkatan kecekapan dalam ruang udara Malaysia.

Pelaksanaan ini akan terus dipantau dengan rapi dengan perancangan masa hadapan untuk meluaskan penambahbaikan ini ke seluruh sistem ruang udara negara. Pencapaian ini dijangka dapat menyokong permintaan sektor penerbangan yang semakin meningkat, memperkuuh keyakinan industri serta mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab penerbangan serantau.

Mengenai Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) merupakan badan kawal selia yang diamanahkan untuk menyelia dan memastikan keselamatan, sekuriti serta kecekapan penerbangan awam di Malaysia. Berpegang kepada komitmen CAAM terhadap piawaian penerbangan antarabangsa serta amalan terbaik, CAAM mengawal selia di samping turut menggalakkan pertumbuhan industri penerbangan yang mampan.

CAAM menyediakan pengawasan merangkumi perkhidmatan navigasi udara, pelesenan kakitangan penerbangan dan operasi penerbangan awam selain menggalakkan inovasi dan mengekalkan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Anis Rahim di talian 012 336 4353 atau emel ke anis.rahim@caam.gov.my